

Minggu Kesebelas

AURAT DAN IZIN SUAMI





Catatan

7 KONSEP TUDUNG ISLAMIK

YANG WAJIB ADA PADA PENDESIGN, PENJUAL, DAN PEMBELI TUDUNG
OLEH MFR STUDIO

- 1. TIDAK JARANG**
KALAU JARANG, NAMPAKLAH AURAT. APA GUNA?
- 2. TIDAK KETAT**
KETAT SAMPAI NAMPAK BENTUK TELINGA PUN MASIH BELUM TUTUP AURAT!
- 3. TIDAK MELEKAT**
HATI-HATI PILIH KAIN TUDUNG, JANGAN YANG MUDAH MELEKAT KE DADA, NAMPAK JULA AURATNYA...
- 4. TIDAK SINGKAT**
BIAR LABUH, TUTUP BAHU, TUTUP DADA, TUTUP BELAKANG.
- 5. TIDAK TABARRUJ**
JANGAN BERTUDUNG PELIK UNTUK LAIN DARI YANG LAIN, ATAU BERNIAT MAHU POPULAR DAN BANGGA BAIK DENGAN TUDUNG MAHAL, WARNA YANG STRIKING, ATAU ZUHUD DENGAN RIAK.
- 6. TIDAK SYUHROH**
JANGAN MAHU BERTUDUNG PELIK UNTUK LAIN DARI YANG LAIN, ATAU BERNIAT MAHU POPULAR DAN BANGGA BAIK DENGAN TUDUNG MAHAL, WARNA YANG STRIKING, ATAU ZUHUD DENGAN RIAK.
- 7. TIDAK TASYABBUH**
JANGANLAH BERTUDUNG SEPERTI TUDUNG AGAMA LAIN, CONTOHNYA TUDUNG RAHIB BEREJA.

SEMAK SEMULA TUDUNG YANG ANDA DESIGN. JUAL. BELI. ATAU PAKAI. ADAKAH MENEPATI 7 KONSEP DI ATAS?

AURAT WANITA KETIKA SOLAT DAN TAWAF

☀️ Pendapat Imam Syafie

Aurat wanita dalam solat ialah seluruh badan kecuali muka, bahagian belakang tangan dan telapaknya.

Sabda Rasulullah S.A.W:

لا يقبل الله صلاة حائض إلا بخمار

“Tidak diterima solat wanita haid (wanita yang telah baligh) kecuali dengan memakai khimar”

Catatan

Syarat Penutup Aurat

■ Tebal dan tidak jarang :

Kain tebal @ kulit @ kertas yang boleh menyembunyikan warna kulit dan yang tidak menjelaskan sifatnya.

Pendapat Imam Syafie : Syarat penutup aurat ialah yang tidak menjelaskan warna kulit.




Catatan

Contoh Penutupan Aurat yang Sempurna



Pilihlah Yang Paling Betul



Catatan

PERMASALAHAN BERKAITAN AURAT WANITA

TAWAF

•Menutup aurat adalah syarat sah tawaf

- Sekiranya terbuka aurat **secara sengaja, maka terbatal pusingan tawaf.**
- Saranan: sebelum tawaf memastikan aurat tertutup dengan baik.
- Disarankan Ketika Isyarat *istilam* :
 - i. Tangan di dalam kain telekung.
 - ii. Memakai sarung tangan.

AURAT WANITA SEMASA TAWAF

Mengetahui had aurat

Berhati-hati dengan perkara berikut:

- Bawah dagu
- Pergelangan tangan
- Anak rambut di muka
- Stokin (tebal)
- Anak rambut di kawasan telinga/berhati-hati jika memakai kaca mata

Aurat (tidak semasa tawaf):

- **Seperti hukum biasa** – wanita bersama wanita, lelaki ajnabi, mahram dll.

Catatan

AURAT WANITA SEMASA SA'IE

1. Menutup aurat tidak menjadi syarat sah sa'ie.
2. Walau bagaimanapun berdosa jika aurat terbuka dan dilihat oleh lelaki ajnabi.
 - a) Gunting rambut.
 - b) Stokin nipis.
3. Cadangan:
 - Semasa sa'ie pastikan aurat terpelihara.

PERMASALAHAN AURAT WANITA

- 1) Aurat wanita sesama wanita di dalam ihram
 - Dalam bilik hotel.
 - Dalam bilik air (hotel, Arafah, Mina).
 - Dalam khemah di Arafah dan Mina.
- 2) Aurat wanita bersama suami/mahram ketika dalam ihram.
- 3) Aurat wanita bersama lelaki ajnabi.

Catatan

Aurat lelaki....

1. Di dalam solat : Hadnya antara pusat dan lutut. Sabda Rasulullah S.A.W :

Bermaksud:

“Aurat seorang mukmin (dalam sembahyang) antara pusat dan lutut”

(Riwayat Al-Bukhari)

Aurat lelaki....

Di hadapan perempuan yang halal nikah, seluruh badannya, **seperti pakaian bekerja.**

Di tempat sunyi seperti di bilik air atau tandas, hadnya antara **qubul dan dubur.**

Berkata Imam Zarkasyi :

“Bermula aurat lelaki yang wajib ditutup akan dia dalam tempat sunyi ialah dua kemaluannya sahaja”.

Catatan

Aurat lelaki semasa ihram....

1. Memakai ihram daripada rumah, Kompleks Kelana Jaya, Bayan Lepas, Kota Kinabalu dan Madinah: Menutup badan dengan kain ihram. **Tidak disunatkan beridtiba’.**
2. Ke bilik hotel wanita: **Menutup badan dengan kain ihram.**
3. Dilarang memasuki bilik jemaah haji berlainan jantina (walaupun untuk bertemu suami/isteri). Sila berurusan di luar bilik.
4. Dalam bilik air seorang diri, **auratnya qubul dan dubur sahaja.**



KEIZINAN SUAMI/ WALI

Catatan

Hadis Riwayat At Tabrani:

- ✓ Apabila seorang wanita telah melakukan **sembahyang wajib lima (5) waktu, berpuasa Ramadhan, menjaga maruah dan mentaati suami**, di akhirat ia diseru masuk ke dalam syurga mengikuti pintu mana (pilihan) yang ia sukai.


Setiap wanita yang akan bermusafir perlu mendapat keizinan dari suaminya

Pendapat Imam Syafie :

ليس لها ان تنطلق الا باذن زوجها

"Tidak ada alasan bagi isteri untuk pergi tanpa izin suaminya".

Wanita yang ingin mengerjakan HAJI...perlu mendapat



Catatan

1

Wanita yang berkahwin

Perempuan yang berkahwin perlu mendapat keizinan suami

2 Wanita yang belum berkahwin

Perempuan yang belum berkahwin perlu mendapat keizinan bapanya ATAU walinya jika tiada bapa

Catatan

3

Wanita Yang Dalam Iddah

IDDAH TALAQ RAJI'E

Wajib memohon izin bekas suaminya



Tempoh iddah talak raji'e tiga (3) Quru' (3 x masa haid @ setelah melahirkan anak)

4

Wanita yang berkahwin

Jika tiada keizinan suami dan suami tidak bersamanya, mereka perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- Ada mahram yang menemaninya.
- Yakin aman dalam perjalanan.
- Perbelanjaan selama perjalanan adalah tanggungan sendiri :
 - tidak menggunakan harta suaminya; dan
 - suami tidak memerlukannya selama ia pergi.

Catatan

4

Wanita yang kematian suami

HARAM

Wanita yang dalam iddah kematian suami haram baginya keluar rumah kerana masih ihdad. Wajib menanggukkan pemergiaannya ke Tanah Suci

Tempoh iddah kematian suami 4 bulan 10 hari

Kematian suami di Tanah Suci

HARUS

Sekiranya kematian berlaku ketika wanita tersebut berada di Tanah Suci, harus baginya mengerjakan ibadat haji dan umrah.

- Kurangkan keluar-masuk hotel kecuali ada keperluan/dharuri.
- Menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat haji dan umrah.
- Menunaikan solat di Masjidil Haram, mengikuti program yang disusun oleh Maktab sekiranya kebimbangan dan tiada jaminan keselamatan jika berseorangan.
- Perlu menjaga adab dalam *ihdad*, sentiasa bersama dengan perempuan yang *thiqah*.

Catatan

IHDAD

- Tidak memakai pakaian yang bercelup (warna yang menarik perhatian).
- Tidak memakai emas dan permata.
- Tidak memakai wangian/bauan di badan, pakaian dan makanan.
- Tidak memakai celak di mata kecuali kerana hajat.
- Tidak memakai solekan yang boleh menarik perhatian.
- Tidak memakai inai.
- Tidak memakai minyak rambut dengan tujuan hiasan dan kecantikan

Adakah perlu seseorang isteri meminta izin suaminya untuk menunaikan haji?

- Wajib seseorang isteri mendapatkan keizinan daripada suaminya terlebih dahulu sebelum menunaikan haji sama ada haji fardhu atau pun haji sunat.
- Seseorang isteri wajib mendapatkan keizinan suami sekalipun:
 - Suaminya seorang yang fasiq
 - Isterinya dalam Iddah Talaq Rajie.
- Dalam satu keadaan, suaminya berhak menyuruh isterinya bertahallul sekiranya ia berihram tanpa pengetahuan suaminya dan wang bagi tujuan tahallul kerana menyembelih kambing itu pun adalah di atas isteri
- Kesimpulannya: Izin adalah hak suami

Catatan

Apakah hukumnya jika tidak mendapat keizinan suami?



**Hukum hajinya sah,
tetapi berdosa**

Seorang perempuan telah diizinkan oleh suaminya pergi menunaikan haji, tetapi sebelum ianya pergi, suaminya telah meninggal dunia. Adakah dia boleh pergi menunaikan haji dalam masa iddah mati itu?



Tidak boleh kerana perempuan yang masih dalam iddah kematian suami tidak dibenarkan oleh syarak menunaikan fardhu haji.

Catatan



**KESIMPULAN MENGENAI
KEIZINAN SUAMI....**

untuk HAJI & UMRAH WAJIB...

- Jemaah Haji Wanita hendaklah ditemani oleh mahram atau suaminya.
- HARUS menunaikan haji wajib dan umrah wajib dengan ditemani oleh perempuan yang THIQAH (boleh dipercayai) seorang atau lebih.

Ini pendapat Mazhab Syafie, Maliki, Aisyah, Ato, Sa'id bin Jubair, Ibnu Sirrin, Auza'ie dan mazhab az- zahiri. Imam Nawawi berkata:

"Syarat wanita yang hendak menunaikan haji yang wajib hendaklah bersama suami, mahram atau sekumpulan wanita yang dipercayai."

Catatan

untuk HAJI & UMRAH SUNAT...

- WAJIB ditemani oleh mahram atau suaminya
- Menurut pendapat yang DHAIF dalam Mazhab Syafie, HARUS pergi tanpa mereka dengan syarat:
 1. Tiada fitnah dan keselamatan dirinya terjamin
 2. Ditemani oleh perempuan yang Thiqah
 3. Bukan mengada-adakan NAZAR

Dalil pendapat ini:
Nabi saw bersabda kepada Uday bin Hatim:

"Sekiranya engkau panjang umur, nescaya engkau akan lihat seorang wanita akan bermusafir dari Hirah ke Makkah untuk melakukan tawaf di Kaabah tanpa sebarang perasaan takut melainkan kepada Allah." (Hr Bukhari- sahih)

MENCARI RAKAN DAN TEMAN



Carilah rakan-rakan dan teman:

- Sesuai dan boleh di harap
- Cenderung kepada kebajikan
- Dapat membantu menyempurnakan ibadah



Sabda Nabi SAW:

- “Sebaik-baik rakan ialah bila kita lupa ia mengingatkan dan bila kita ingat ia membantu”

Catatan
